

## KEDIDI KAKI HIJAU BERBINTIK

Nordmann's Greenshank

FAMILI: Scolopacidae  
NAMA SAINTIFIK: *Tringa guttifer*

### CIRI-CIRI

Semasa di luar musim membiak, individu dewasa menyerupai Kedidi Kaki Hijau, *T. nebularia*, tetapi mempunyai bahagian kaki yang lebih pendek (terutamanya pada bahagian atas penyambung bahagian lutut) dan berwarna kekuningan. Bahagian leher adalah lebih pendek manakala terdapat dua warna yang bercampur pada bahagian paruh. Pada bahagian mahkota kepala, belakang tengkuk serta bahagian sisi dada, terdapat jalur-jalur yang pudar. Bahagian atas badan tidak berjulur manakala bahagian atas mata berwarna putih dengan jalur di antara bahagian paruh dan bahagian mata yang pudar. Semasa musim membiak, keseluruhan badan mempunyai tanda yang jelas kelihatan. Bahagian atas badan berwarna hitam, dengan bintik-bintik serta jalur-jalur putih yang berselerak. Terdapat jalur-jalur yang jelas berwarna gelap pada bahagian kepala dan atas tengkuk. Pada bahagian tengkuk terdapat bintik-bintik lebar berwarna hitam. Individu ini mempunyai jalur di antara bahagian paruh dengan bahagian mata yang gelap.

### SAIZ

Individu dewasa mempunyai saiz di antara 29-32 sm.

### MAKANAN

Siput, ketam, serangga-serangga kecil dan cacing.

### HABITAT

Beting lumpur, beting pasir dan lain-lain kawasan tanah bencah.

### BUNYI

Semasa terbang, burung ini mengeluarkan bunyi ***kwork*** atau ***gwaak*** yang jelas.

### PEMBIAKAN

Musim membiak adalah pada bulan Jun di mana sarang dibina pada dahan pokok yang rendah, pada ketinggian sehingga ke 4.5 m dari paras tanah. Telur yang dihasilkan adalah sebanyak 4 biji.

### STATUS

Akta 76/72, diperlindungi.